

PPNJ/(O)2/1.371(02)

8 Januari 2025

8 Rejab 1446H

Tuan,

PELAWAAN SEBUTHARGA BAGI CADANGAN KERJA – KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJIJAYA SATU (1) UNIT BAHARU JAMBATAN TIMBANG BERKAPASITI 80 TAN DI KILANG SAWIT PPNJ KAHANG, KLUANG – SEBUTHARGA PPNJ BIL.03/2025

Adalah dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Kontraktor yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **SSM dan CIBD G2 Kategori Pengkhususan CE21 dan ME01** serta memiliki lesen **Alat Timbang dan Sukat** dibawah Akta Timbang dan Sukat 1972 adalah dipelawa menyertai pelawaan sebutharga ini.
3. Dokumen sebutharga boleh diperolehi semasa lawatan tapak dengan harga **RM50.00** senaskah. Pembayaran boleh dibuat melalui Bank Draft sahaja. Wang tunai tidak dibenarkan.
4. Lawatan tapak akan diadakan pada **17 Januari 2025 (Jumaat) jam 10.30 pagi**. Penyebutharga dikehendaki berkumpul di **Kilang Sawit PPNJ Kahang**. Sila bawa lesen yang berkenaan untuk pengesahan dan hanya penyebutharga yang menghadiri lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli dokumen sebutharga.
5. Deposit berjumlah **RM500.00** (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja) perlu disediakan melalui Bank Draft diatas nama Pertubuhan Peladang Negeri Johor dan disertakan bersama Dokumen Sebutharga yang dikemukakan.
6. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri dan dinyatakan dengan jelas tajuk sebutharga disebelah kiri atas sampul surat. Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga sebelum atau pada **24 Januari 2025 (Jumaat) jam 12.00 tengahari** di atas nama dan alamat berikut :

**Pengurus Besar
Pertubuhan Peladang Negeri Johor
Wisma Peladang
No. 9-9E, Jalan Selat Tebrau
80000 Johor Bahru, Johor**

PPNJ/(O)2/1.371(02)

7. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pengurus Kilang Sawit PPNJ Kahang (En. Mohd Hilmi bin Mohd Zan) ditalian 013-262 8387, Pejabat 07-208 2000 - Ext. Bahagian Perkilangan / Unit Perolehan dan Faks 07-208 1000 didalam waktu pejabat. PPNJ tidak terikat untuk menerima mana – mana tawaran yang dikemukakan dan semua keputusan yang dibuat adalah muktamad.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Tema Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024

“MENUAI HARAPAN, MEMBINA MASA HADAPAN”

Saya yang menjalankan amanah,


(SHAHEIZAN BIN KHAIRUDIN)
Pengurus Besar
Pertubuhan Peladang Negeri Johor

s.k. :

Timbalan Pengurus Besar Operasi	-	makluman tuan
Timbalan Pengurus Besar Pembangunan	-	makluman tuan
Ketua Bahagian Perkilangan dan Perundingan	-	makluman & tindakan tuan
Ketua Bahagian Kewangan	-	makluman tuan
Pengurus Kilang Sawit PPNJ Kahang	-	makluman & tindakan tuan
Penolong Pengurus Perolehan	-	makluman & tindakan puan
Penolong Pengurus Perkilangan	-	makluman & tindakan tuan